

Perpaduan kaum jamin negara stabil—Mahathir

KUALA TERENGGANU, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan usaha-usaha memupuk perpaduan di negara ini tidak mungkin memberi kesan yang di harapkan jika rakyat digugat oleh pihak-pihak yang cuba memecahbelahkan perpaduan.

Kata Perdana Menteri, kerajaan sentiasa berusaha memupuk suasana yang sihat dengan cara menggalak dan mengadakan pelbagai kegiatan yang membabitkan semua kaum di negara ini.

Menurut beliau, hubungan sesama kaum di negara ini adalah penting bagi menjamin kestabilan dan kebahagiaan negara di masa depan.

Sokongan

"Saya yakin setiap langkah yang diambil oleh mana-mana persatuan dalam mengeratkan hubungan kaum di negara ini akan menghasilkan kejayaan yang boleh dibanggakan," ujarnya.

"Kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab haruslah memberikan sepenuh sokongan

untuk mencapai kejayaannya," katanya dalam buku cenderamata pertandingan syarahan kebangsaan, peringkat akhir di sini malam ini.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, langkah yang diambil oleh jawatankuasa kerja pertandingan syarahan dan ujian bertulis dalam bahasa Malaysia sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil) peringkat kebangsaan adalah satu langkah yang tepat yang harus diteladani oleh pihak-pihak lain di negara ini.

Pertandingan ini bukan sahaja mengeratkan lagi perpaduan se-

sama kaum malah dapat meninggikan lagi kecerdasan para pelajar dalam mengolah dan mengutarakan buah fikiran.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, para pelajar juga akan dapat mempertingkatkan lagi penguasaan mereka dalam bahasa Malaysia yang menjadi bahasa pengantar.

Sementara itu, Menteri Pelajaran, Datuk Haji Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, pertandingan seperti itu besar maknan dan faedahnya kepada para pelajar.

"Saya percaya pertandingan seumpama ini akan dapat memberi peluang kepada para pelajar menguasai dalam bahasa Malaysia sama ada bertulis atau bertutur," ujarnya.

Pertandingan itu katanya, akan dapat membina asas persefahaman antara kaum di negara ini terutama apabila murid dari sekolah Tamil diundang